






Modul Kesedaran Alam Sekitar



MANUAL PANDUAN GURU

TASKA



Diterbitkan Oleh

Jabatan Alam Sekitar



Edaran
PERCUMA

KANDUNGAN

	Muka Surat
1. Panduan Menggunakan Buku Aktiviti Kanak-Kanak dan Manual Panduan Guru	ii
2. Modul Air	1
3. Modul Tumbuh-Tumbuhan	15
4. Modul Haiwan	27
5. Modul Udara	41
6. Modul Kitar Semula	53

PANDUAN MENGGUNAKAN BUKU AKTIVITI KANAK-KANAK DAN MANUAL PANDUAN GURU

Buku aktiviti dan manual panduan guru hanyalah sebagai cadangan sahaja. Guru tidak perlu mengikut setiap cadangan dan aktiviti yang diberikan dengan sepenuhnya. Segala aktiviti yang terdapat dalam modul ini perlulah dilakukan dengan budi bicara yang kebijaksanaan guru-guru mengikut keselesaan dan minat kanak-kanak. Semua aktiviti yang dicadangkan boleh dilakukan secara fleksibel dan tidak terhad kepada aktiviti dalam bilik darjah sahaja. Perancangan aktiviti tidak semestinya dilaksanakan dalam bentuk yang berstruktur. Sekiranya kanak-kanak memerlukan masa yang lebih untuk menyiapkan sesuatu aktiviti, guru perlulah memberi mereka masa tambahan untuk menyiapkannya. Sekiranya mereka telah menyelesaikan aktiviti lebih awal, mereka boleh melakukan aktiviti yang seterusnya.

Setiap aktiviti yang terdapat dalam modul mempunyai fungsi yang tersendiri untuk memupuk semangat kesedaran dan kecintaan terhadap alam sekitar. Setiap aktiviti juga mempunyai potensi untuk menggarap perkembangan kanak-kanak. Modul ini mencadangkan aktiviti yang menyumbang kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh daripada segi fizikal, persepsi, intelek, bahasa, sosial, emosi dan moral. Tumpuan khas juga diberikan kepada teknik dan bahan pengajaran yang menyokong Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (2003) yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kandungannya dapat dimanfaatkan oleh guru prasekolah dan pembantunya serta mereka dalam bidang ini.

MODUL AIR

Pengenalan:


Pencemaran air berlaku apabila terdapat perubahan daripada segi kandungan, keadaan, warna dan kualiti air. Perubahan-perubahan ini memberi kesan negatif apabila digunakan. Pencemaran air berlaku bukan hanya di sungai tetapi juga di laut, pantai dan lain-lain lagi sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Kesan-kesan pencemaran air menimbulkan banyak masalah terhadap hidupan-hidupan di dunia pada masa kini termasuklah kepada manusia sendiri. Sehubungan dengan itu, kanak-kanak perlu didedahkan kepada kepentingan menjaga sumber air dan cara-cara mengelakkan daripada berlakunya pencemaran air.

Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan air kepada hidupan.
2. Kanak-kanak dapat menceritakan kegunaan air dalam aktiviti harian mereka.
3. Kanak-kanak dapat mengetahui tiga sumber air, iaitu sungai, laut dan tasik
4. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis hidupan yang tinggal di dalam air.
5. Kanak-kanak dapat menceritakan tentang kesan pencemaran air kepada ikan dan hidupan air lain.
6. Kanak-kanak dapat menyebut langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjimatkan penggunaan air.
7. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan menjaga kebersihan air.

Aktiviti 1 : Kepentingan air

1. Guru menunjukkan gambar seperti yang terdapat dalam buku aktiviti.
2. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam setiap gambar.
3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang kegunaan air. Contohnya:
 - a. Untuk minum.
 - b. Untuk membasuh.
 - c. Untuk mencuci kereta.
 - d. Untuk memasak.
 - e. Untuk mandi.
 - f. Untuk membasuh tangan dan sebagainya.



4. Berdasarkan gambar, guru boleh membincangkan aktiviti yang dilakukan dalam gambar. Contohnya:

Gambar 1:

- a. Kenapa kita perlu minum?
- b. Berapa gelas air kita perlu minum ini?
- c. Minta kanak-kanak senaraikan jenis-jenis minuman yang mereka tahu.

Gambar 2:

- a. Apa yang ibu/kakak sedang lakukan?
- b. Kenapa kita perlu basuh baju yang kotor? (kaitkan dengan faktor kesihatan dan faktor pencemaran).
- c. Di mana kita boleh membasuh baju? (sungai, perigi, tasik, kolam dan sebagainya).

5. Guru juga boleh mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu di bawah:


Row, row, row your boat
Gently down the stream,
Merrily, merrily, merrily, merrily,
Life is but a dream.

6. Sambil menyanyi, guru boleh mengajak kanak-kanak membuat gerakan-gerakan mudah seperti menggoyangkan tangan dan kepala.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan air kepada hidupan.
2. Kanak-kanak dapat menceritakan kegunaan air dalam aktiviti harian mereka.

Aktiviti 2: Mari Mewarna



1. Guru bertanyakan soalan seperti, "Apakah yang terdapat dalam gambar ini?"
2. Guru meminta kanak-kanak menceritakan gambar tersebut.
3. Kanak-kanak mewarnakan gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
4. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar yang terhasil. Contohnya:
 - a. Siapa pernah mandi sungai?
 - b. Adakah air sungai bersih?
 - c. Apakah hidupan yang tinggal dalam sungai?
 - d. Apakah kegunaan air sungai? (minum, mandi, membasuh, menyiram pokok, tempat tinggal hidupan air dan sebagainya).
5. Guru boleh mengajak kanak-kanak berkongsi pengalaman mereka berkelah sungai atau menangkap ikan di sungai.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengetahui salah satu punca air, iaitu sungai.
2. Kanak-kanak dapat bercerita tentang kegunaan air sungai .

Aktiviti 3: Mari Menyanyi

1. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam gambar.
2. Guru meminta kanak-kanak menceritakan pengalaman bermain air hujan.
3. Guru berbincang dengan kanak-kanak apakah yang akan berlaku jika hujan turun dengan lebat (banjir, banjir kilat, air memenuhi longkang, dan sebagainya).
4. Guru mengajak kanak-kanak menyanyi bersama-sama lagu di bawah:


Hujan rintik rintik
Tumbuh daun lalang
Bumi kita cantik
Hidup kita akan senang.
5. Guru boleh memperkenalkan memperkenalkan huruf vokal kepada kanak-kanak (a, e, i, o, u)

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat mengetahui salah satu punca air, iaitu hujan.
2. Kanak-kanak dapat bercerita apa yang berlaku jika hujan turun dengan lebat (banjir, banjir kilat, air memenuhi longkang dan sebagainya).

Aktiviti 4: Mari Mengeja

1. Guru meminta kanak-kanak meneka gambar yang ditunjukkan dalam buku aktiviti.
2. Guru menerangkan kepada kanak-kanak bahawa sungai, laut dan tasik adalah salah satu sumber atau punca air.



3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang perbezaan antara sungai, laut dan tasik.
4. Guru boleh meminta kanak-kanak membulatkan huruf vokal (a, i, dan u) yang terdapat dalam perkataan di atas.
5. Kanak-kanak menamakan dan membunyikan huruf vokal dalam perkataan tersebut.
6. Kanak-kanak melengkapkan huruf bagi perkataan yang ditunjukkan.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengetahui tiga sumber air , iaitu sungai, laut dan tasik.
2. Kanak-kanak dapat membezakan antara sungai, laut dan tasik.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif


1. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak bahan-bahan untuk membuat lukisan tangan.
2. Kanak-kanak melakukan aktiviti lukisan tangan ke atas kertas lukisan masing-masing.
3. Guru menggalakkan kanak-kanak membuat pelbagai corak mengikut kreativiti masing-masing.
4. Lukisan yang sudah siap ditampal di papan kenyataan kelas.
5. Selepas membuat lukisan tangan, kanak-kanak digalakkan memasuh tangan dengan cara yang betul (menggunakan sabun dan jimat semasa menggunakan air).

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat menyebut kegunaan air, iaitu untuk membuat lukisan.
2. kanak-kanak dapat membuat lukisan tangan dengan cara yang betul.

Aktiviti 6: Mari Mengira

1. Guru meminta kanak-kanak menamakan haiwan yang terdapat dalam gambar.
2. Guru berbincang dengan kanak-kanak jenis-jenis hidupan lain yang tinggal di dalam air (ikan, udang, anjing laut, tapak sulaiman dan sebagainya).



3. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan angka 1-10.
4. Berdasarkan gambar, guru boleh menerangkan konsep urutan kepada kanak-kanak.
5. Guru boleh memperkenalkan kepada kanak-kanak konsep **sedikit** dan **banyak**.
6. Berdasarkan gambar, kanak-kanak menyambungkan titik-titik angka.
7. Guru boleh mempelbagaikan aktiviti lain bagi membuat pengukuhan tentang konsep **sedikit** dan **banyak**.
8. Guru menyanyikan lagu di bawah bersama kanak-kanak

Donald duck is a one-legged, one-legged
 One-legged, one-legged, one-legged duck.
 Two-legged...
 Three-legged...
 Four-legged...
 Five-legged...
 Wiggle-waggle...

ATAU

Satu-satu, saya sayang ibu
Dua-dua, juga sayang ayah
Tiga-tiga, sayang adik kakak
Satu-dua-tiga sayang semuanya

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis hidupan yang tinggal dalam air.
2. Kanak-kanak dapat memahami konsep sedikit dan banyak.

Aktiviti 7: Siapa Saya?

1. Guru meminta kanak-kanak menyambungkan titik-titik dalam gambar.
2. Guru meminta kanak-kanak meneka gambar yang terhasil.
3. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang jenis-jenis ikan yang mereka tahu (ikan emas, ikan keli, ikan kembung, ikan bawal, ikan pari, ikan paus, ikan buntal dan sebagainya).
4. Guru boleh berbincang dengan kanak-kanak tentang tempat tinggal ikan dan makanan ikan.
5. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang kesan pencemaran air kepada ikan dan hidupan air.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama jenis-jenis ikan.
2. kanak-kanak dapat menceritakan tentang kesan pencemaran air kepada ikan dan hidupan air lain.

Aktiviti 8: Ke Mana Saya

1. Guru meminta kanak-kanak menceritakan apa yang dilihat dalam gambar.
2. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai pentingnya air kepada tumbuh-tumbuhan.
3. Guru berbincang dengan kanak-kanak apa yang terjadi tumbuhan jika berlaku keadaan kemarau?
4. Berdasarkan gambar, kanak-kanak diminta mencari laluan air untuk sampai ke pokok dalam gambar tersebut.




Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut mengenai pentingnya air kepada tumbuh-tumbuhan.
2. Kanak-kanak dapat menceritakan keadaan tumbuhan jika berlaku kekurangan air.

Aktiviti 9: English Section

1. Teacher gives instruction and children carry them out.
2. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.
3. Help children to say aloud and complete the words.



4. Children are encouraged to ask questions about the word *rain*.

Summary :

1. Children can improve their writing skills.
2. Understand that rain is the primary source of fresh water for most areas of the world.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

1. Guru meminta kanak-kanak meneka aktiviti yang terdapat dalam gambar.
2. Guru dan kanak-kanak bercerita mengenai situasi dalam setiap gambar tersebut.
3. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan bagi setiap aktiviti.



- a) Mandi - jangan membazir air dan sabun.
- b) Paip air - jangan biarkan pair air terpasang. Tutup bila tidak digunakan.
- c) Membasuh tangan - membasuh tangan dengan cara yang betul dan jangan membazir air.
- d) Jangan biar air melimpah.
- e) Jangan biarkan paip air terbuka semasa memberus gigi.
- f) Jangan membuang sampah merata-rata ketika berkelah di pantai/sungai/tasik.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjimatkan penggunaan air.
2. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan menjaga kebersihan air

MODUL TUMBUHAN

Pengenalan:


Hutan bukan sahaja berfungsi sebagai habitat kepada flora dan fauna tetapi mempunyai kepelbagaian fungsi seperti sumber ubat-ubatan dan kawasan tadahan air. Walau bagaimanapun, faktor cuaca dan perilaku manusia semakin menggugat kestabilan alam dan menyebabkan kepupusan flora dan fauna. Kerajaan kita sangat prihatin terhadap penjagaan hutan di negara ini. Pelbagai program dilaksanakan termasuk memperuntukkan hutan simpan kekal supaya dapat menyeimbangi suasana alam sekitarnya. Walau bagaimanapun, tanggungjawab ini bukan hanya dipikul oleh kerajaan. Semua pihak seharusnya memainkan peranan masing-masing. Sehubungan dengan itu, pengetahuan tentang penjagaan tumbuhan atau hutan perlulah ditekan sejak dari awal kanak-kanak lagi supaya sikap cintakan tumbuh-tumbuhan dan hutan dapat dibentuk.

Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan tumbuh-tumbuhan kepada manusia dan haiwan.
2. Kanak-kanak dapat menyebut barang-barang yang diperbuat daripada tumbuhan/kayu.
3. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis pokok yang terdapat di sekeliling mereka.
4. Kanak-kanak dapat menyebut bahagian-bahagian pokok dengan betul.
5. Kanak-kanak dapat menyebut jenis pokok buah-buahan yang mereka pernah lihat.
6. Kanak-kanak mengetahui cara-cara yang boleh dilakukan bagi memelihara tumbuh-tumbuhan.

Aktiviti 1 : Kepentingan Tumbuh-tumbuhan

7. Guru menunjukkan gambar dan menyoal kanak-kanak seperti "Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini?"
8. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam setiap gambar.




9. Guru boleh menceritakan kepentingan tumbuh-tumbuhan kepada manusia. Contohnya:
 - a. Sumber makanan kepada manusia dan haiwan.
 - b. Tempat tinggal atau habitat haiwan.
 - c. Kayu untuk dibuat perabot.
 - d. Kayu untuk dibuat kertas, pagar dan sebagainya.
10. Guru boleh terus menyoal kanak-kanak tentang barang-barang atau benda yang ada di sekeliling mereka yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan terutama daripada kayu. Contohnya:
 - a. Peralatan dalam bilik darjah.
 - b. Makanan/buah-buahan.
 - c. Nama haiwan yang tinggal dalam hutan.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan tumbuh-tumbuhan kepada manusia dan haiwan.
2. Kanak-kanak dapat menyatakan kepentingan tumbuhan sebagai sumber makanan.
3. Kanak-kanak dapat menyebut barang-barang yang diperbuat daripada tumbuhan/kayu.

Aktiviti 2: Mari Mewarna



6. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang nama jenis-jenis pokok yang terdapat di sekeliling mereka.
7. Guru meminta kanak-kanak menamakan bahagian-bahagian pokok seperti yang terdapat dalam gambarajah.
8. Kanak-kanak berbincang dengan guru tentang kegunaan setiap bahagian pokok
9. Kanak-kanak cuba mengeja perkataan yang terdapat dalam gambar dengan bantuan guru.
10. Kanak-kanak mewarna setiap bahagian pokok dengan cara yang betul dengan bantuan guru.
11. Guru digalakkan membawa kanak-kanak membuat "nature walk" bagi melihat sendiri bahagian-bahagian pokok dalam keadaan sebenar.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut jenis-jenis pokok yang terdapat di sekeliling mereka.
2. Kanak-kanak dapat menyebut bahagian-bahagian pokok dengan betul.

Aktiviti 3: Mari Menyanyi

6. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam gambar (daun kangkung, perigi/telaga).
7. Guru boleh menerangkan kepada kanak-kanak bahawa salah satu sumber air adalah dari telaga/perigi.



8. Guru bercerita kepada kanak-kanak tentang “apa itu telaga/perigi” dan bagaimanakah caranya untuk mendapatkan air dari telaga/perigi.
9. Berdasarkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam lirik lagu, guru boleh memperkenalkan huruf konsonan.
10. Guru menyanyi bersama-sama kanak-kanak sambil membuat gerakan badan.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengetahui bahawa salah satu sumber/punca air adalah dari perigi/telaga.
2. Kanak dapat menyebut huruf konsonan dengan betul.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

7. Guru boleh menunjukkan gambar buah-buahan kepada kanak-kanak
8. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang jenis buah-buahan yang pernah dimakan.
9. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah:



Contoh:

e + pal

ka + yu

da + un

10. Kanak-kanak diminta menyambungkan titik supaya menjadi perkataan lengkap.
11. Guru boleh menyanyikan lagu berikut dengan kanak-kanak


There's so many fruits all around us
 So many fruits that we see
 All different shapes
 From bananas to grapes
 Just waiting for you and me.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama buah-buahan.
2. Kanak-kanak dapat mengeja dan menulis perkataan yang diberi dengan betul.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

6. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak bahan-bahan yang diperlukan dan cara-cara untuk membuat cop daun.
7. Guru menggalakkan kanak-kanak untuk mendapatkan pelbagai bentuk daun yang terdapat di sekeliling mereka untuk dibuat corak mengikut kreativiti masing-masing.
8. Guru menunjukkan contoh corak daun yang telah siap.
9. Guru mengaitkan aktiviti ini dengan kepelbagaian jenis pokok yang terdapat di persekitaran.

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat mengikut arahan yang diberi dengan betul.
2. Kanak-kanak menyedari tentang kepelbagaian pokok di sekeliling mereka.

Aktiviti 6: Mari Mengira

9. Guru bercerita dengan kanak-kanak tentang gambar yang dilihat.
10. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang pokok buah-buahan yang mereka tahu.
11. Guru boleh meminta kanak-kanak bercerita tentang bentuk pokok tersebut (tinggi, rendah, besar, kecil dan sebagainya).
12. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan angka 1-10.
13. Berdasarkan gambar, kanak-kanak mengira bilangan buah dan menulis bilangan tersebut dalam kotak yang disediakan.
14. Guru menyanyikan lagu di bawah bersama kanak-kanak:


One for Sorrow,
Two for Joy,
Three for a kiss and four for a Boy,
Five for Silver,
Six for Gold,
Seven for a secret never to be told,
Eight for a letter from over the sea,
Nine for a baby as sweet as can be.

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat menyebut jenis pokok buah-buahan yang mereka pernah lihat.
2. Kanak-kanak dapat mengira bilangan buah yang terdapat dalam gambar dengan betul.

Aktiviti 7: Siapa Saya?

1. Guru meminta kanak-kanak mewarnakan titik-titik yang terdapat dalam gambar mengikut arahan guru.
2. Kanak-kanak menyambung dan mewarnakan titik-titik bagi menghasilkan gambar yang lengkap.




3. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar yang terhasil.
4. Guru mengajak kanak-kanak mengeja perkataan 'daun'.
5. Jika ada masa, minta kanak-kanak lukis pelbagai jenis gambar daun.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mewarnakan titik-titik yang terdapat dalam gambar mengikut cara yang betul.

Aktiviti 8: Ke Mana Saya

1. Guru menggalakkan kanak-kanak menceritakan gambar-gambar yang dilihat.
2. Kanak-kanak menamakan gambar-gambar tersebut.
3. Guru meminta kanak-kanak membina cerita daripada gambar itu.
4. Kanak-kanak melakar laluan monyet menuju ke makanannya.
5. Guru menyoal kanak-kanak. Contoh soalan:
 - a. Apakah makanan yang disukai monyet?
 - b. Selain daripada pisang, apakah lagi makanan monyet?
 - c. Di manakah monyet tinggal?




Rumusan:

1. Kanak-kanak dapat menyebut kepentingan tumbuh-tumbuhan kepada haiwan.

Aktiviti 9: English Section


5. Teacher gives instruction and children carry them out.
6. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.
7. Help children to complete the words.
8. Children are encouraged to ask questions about the word "seed".
9. Discuss with the children how the seeds travel (there are many ways a seed can get from one place to another. This includes wind, water, animals and popping)
10. Children are encouraged to ask questions about the word "seed".

**Summary :**

1. Children can improve their writing skills.
2. Children learned about seeds and the many different ways they travel.
3. Children understand the important to make our earth green.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

4. Guru menunjukkan gambar-gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
5. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai situasi dalam setiap gambar tersebut.



6. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan untuk memelihara tumbuh-tumbuhan
Contoh:

Jangan menebang pokok sesuka hati, elakkan pembakaran hutan, elak dari memijak anak pokok, menyiram pokok, meletakkan baja pada pokok dan sebagainya.

7. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang cara-cara yang boleh dilakukan untuk memulihara tumbuh-tumbuhan (melalui penanaman semula).

Rumusan :

1. Kanak-kanak mengetahui cara-cara yang boleh dilakukan bagi memelihara tumbuh-tumbuhan.


MODUL HAIWAN

Pengenalan:

Perlindungan hidupan liar kini telah menjadi isu yang menarik minat seluruh dunia. Beberapa jenis haiwan yang kecil bilangannya di dunia ini sedang menghadapi kepupusan jika tidak diberi perlindungan khas. Sekiranya haiwan ini pupus, generasi akan datang hanya akan mengetahuinya dalam khayalan sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah yang boleh diambil bagi menyelamatkan haiwan liar yang semakin pupus ini. Sehubungan dengan itu, kanak-kanak perlu mendapat pendedahan tentang kepentingan menjaga haiwan sama ada haiwan peliharaan atau haiwan liar supaya hidupan ini terpelihara.

Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama-nama haiwan.
2. Kanak-kanak dapat menyebut habitat haiwan.
3. Kanak-kanak dapat meniru bunyi haiwan dengan betul.
4. Kanak-kanak dapat menamakan haiwan yang dipelihara oleh manusia dan haiwan yang tinggal di dalam hutan.
5. Kanak-kanak dapat menyebut langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan kepupusan haiwan liar.

Aktiviti 1 : Kenali Haiwan


11. Guru menunjukkan gambar dan menyoal kanak-kanak seperti “Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini?”
12. Tunjukkan salah satu daripada gambar itu dan soal kanak-kanak, “Di manakah haiwan ini tinggal?”
13. Teruskan menyoal berkenaan apa yang dilihat dalam gambar itu.
14. Guru menyoal soalan-soalan lain yang boleh menggalakkan perbualan.
Contohnya:
 - a. Siapa pernah lihat gajah?
 - b. Di mana gajah tinggal?
 - c. Manakah yang lebih besar, lembu atau gajah?
 - d. Apakah makanan katak?
 - e. Di manakah katak tinggal?
 - f. Bagaimanakah katak bergerak?
15. Bagi aktiviti tambahan guru boleh mengumpulkan gambar-gambar haiwan dengan anak-anaknya.
16. Kanak-kanak boleh diminta untuk memadankan gambar anak-anak haiwan dengan ibunya.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut nama-nama haiwan.
2. Kanak-kanak dapat menyebut habitat haiwan.

Aktiviti 2 : Mari Mewarna

1. Guru dan kanak-kanak berbincang mengenai gambar yang dilihat.
2. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dengan bebas mengenai gambar tersebut.
3. Guru menggunakan gambar bagi membina pelbagai cerita menarik tentang gambar yang dilihat.
4. Selepas bercerita, minta kanak-kanak warnakan gambar tersebut.
5. Apabila kanak-kanak selesai mewarna, minta kanak-kanak menyebut warna yang terdapat dalam gambar tersebut.
6. Kanak-kanak beramai-ramai menyebut warna yang ditunjukkan oleh guru.




Perhatian: Kanak-kanak dan cerita bagaikan tidak boleh dipisahkan. Peranan cerita adalah besar dalam proses pendidikan sebuah generasi. Cerita dapat membantu kanak-kanak memperkuat imajinasi, meningkatkan pengalaman, mengembangkan penguasaan bahasa serta memberikan pelajaran budi pekerti dan nilai murni melalui peristiwa yang diungkap di dalamnya.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mewarnakan gambar mengikut kreativiti masing-masing.
2. Kanak-kanak dapat menyebut nama haiwan peliharaan.

Aktiviti 3 : Mari Menyanyi


1. Guru meminta kanak-kanak menyambungkan titik-titik.
2. Guru meminta kanak-kanak meneka gambar yang terhasil.
3. Guru memperdengarkan bunyi-bunyi haiwan menggunakan pita rakaman.
4. Guru meminta kanak-kanak meneka bunyi haiwan yang diperdengarkan.
5. Guru meminta kanak-kanak meniru bunyi yang diperdengarkan.
6. Kanak-kanak meniru bunyi haiwan dan menyebut nama haiwan tersebut.
7. Guru memperdengarkan lagu "animal sound".
8. Kanak-kanak diminta menyanyi bersama-sama.
9. Sambil mendengar lagu, kanak-kanak diminta membuat:
 - a. Tepukan, hentakan ataupun gerakan badan.
 - b. Membunyikan suara mengikut irama.
10. Jika ada masa, guru boleh meminta kanak-kanak mewarnakan gambar tersebut.

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat menyebut semula nama-nama haiwan yang terdapat dalam lirik nyayian dengan betul.
2. Kanak-kanak dapat meniru bunyi haiwan dengan betul.

Aktiviti 4 : Mari Mengeja

1. Guru meminta kanak-kanak menamakan haiwan yang terdapat dalam gambar.
2. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang haiwan yang dipelihara oleh manusia dan haiwan yang tinggal di dalam hutan.



3. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah. Contoh:
 - a + yam
 - ru + sa
 - u + lar
 - ru + sa
4. Kanak-kanak diminta mengulang beberapa kali ejaan tersebut.
5. Kanak-kanak diminta meniru huruf dan menulis mengikut arah yang betul.
6. Kanak-kanak melengkapkan bentuk huruf mengikut garisan putus-putus.
7. Nota : Guru boleh meminta kanak-kanak melukis gambar haiwan hasil daripada gabungan suku kata yang ditulis.


Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menamakan haiwan yang terdapat dalam gambar.
2. Kanak-kanak dapat menamakan haiwan yang dipelihara oleh manusia dan haiwan yang tinggal di dalam hutan.

Aktiviti 5 : Sudut Kreatif

10. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat kolaj.

11. Guru menunjukkan cara menggunting gambar atau mengoyakkan kertas supaya menjadi cebisan kecil.



12. Dengan menggunakan gam, kanak-kanak diminta menampal cebisan kertas yang digunting atau dikoyakkan ke atas gambar kura-kura yang telah disediakan.

13. Setelah kanak-kanak siap membuat kolaj guru boleh bertanya beberapa soalan. Contohnya:

- a. Apakah nama haiwan ini?
- b. Di manakah haiwan ini tinggal?
- c. Berapakah bilangan kaki yang terdapat pada haiwan ini?

14. Guru juga boleh bercerita kepada kanak-kanak kisah kura-kura berlawan lari dengan sang arnab.

15. Guru boleh meminta kanak-kanak mengeja nama haiwan tersebut.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat membuat kolaj kura-kura dengan betul.
2. Kanak-kanak dapat bercerita tentang habitat kura-kura.

Aktiviti 6 : Mari Mengira

1. Guru meminta kanak-kanak menamakan haiwan yang terdapat dalam gambar.
2. Guru meminta kanak-kanak menyebut habitat haiwan-haiwan tersebut.
3. Guru juga boleh memulakan aktiviti ini dengan menyanyi lagu angka dengan kanak-kanak.

1 2 3 we are happy
 1, 2, 3 we are family
 1 2 3 we are happy
 1, 2
 1, 2, 3


4. Kanak-kanak diminta mengulang lagu di atas beberapa kali.
5. Guru membilang nombor 1 hingga 10 dan kanak-kanak diminta mengikutnya.
6. Kanak-kanak diminta memadankan bilangan dengan nombor.

**Rumusan :**

1. Kanak-kanak dapat mewarnakan gambar binatang mengikut bilangan yang telah ditetapkan.
2. Kanak-kanak dapat menyebut habitat haiwan yang terdapat dalam gambar yang diberikan.

Aktiviti 7 : Ke Mana Saya

6. Guru menggalakkan kanak-kanak menceritakan gambar-gambar yang dilihat.
7. Kanak-kanak menamakan gambar-gambar tersebut.
8. Guru meminta kanak-kanak membina cerita daripada gambar itu.
9. Kanak-kanak melakar laluan anak gajah untuk mendapatkan makanannya, iaitu tebu dengan menggunakan pensil.
10. Guru menyoal kanak-kanak. Contoh soalan:
 - a. Apakah makanan gajah selain daripada tebu?
 - b. Di manakah gajah tinggal?
 - c. Bagaimanakah bunyi gajah?
11. Guru boleh memperdengarkan cerita mengenai kisah si buta dengan gajah.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menamakan haiwan dalam gambar dengan betul.
2. Kanak-kanak dapat menyebut makanan dan tempat tinggal gajah dengan betul.


Aktiviti 8 : Padankan Gambar

1. Guru boleh mulakan aktiviti dengan menyanyikan lagu di bawah bersama dengan kanak-kanak.

Dari ulat jadi kepompong
 Tidur lena dalam kelongsong
 Cukup masa kepompong pecah
 Pom!

Jadilah rama-rama yang
 indah.

Rama-rama terbang melata
 Sungguh cantik dipandang mata
 Tapi sayang hidup tak lama
 Itulah kisah rama-rama.




2. Guru menggalakkan kanak-kanak menyanyi sambil membuat pergerakan.
3. Guru boleh meminta kanak-kanak menceritakan warna dan bentuk haiwan yang terdapat dalam gambar aktiviti
4. Kanak-kanak diminta memadankan gambar bintang dengan bayang-bayangnya seperti yang terdapat dalam buku aktiviti.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menamakan jenis haiwan yang terdapat dalam buku aktiviti.
2. Kanak-kanak dapat memadankan gambar haiwan dengan bayang-bayangnya.

Aktiviti 9 : English Section

1. Teacher give instruction and children carry them out.
2. Look at the picture. Use simple conversation phrases such cat, bird, dog.
3. Listen to words, said aloud by the teacher and point to the objects/ pictures.
4. Encourage children to practise letter shape as they write.
5. Help children to write simple word about animal.




Summary :

1. Children can use simple conversation phrases such as cat, bird, dog.
2. Children understand that we have to protect the animals.

Aktiviti 10 : Tanggungjawab Saya

1. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan terhadap haiwan kesayangan.
2. Guru bercerita mengenai pelbagai kegunaan haiwan kepada manusia.
3. Guru meminta kanak-kanak menyebut tempat tinggal haiwan.
4. Guru menunjukkan gambar-gambar perbuatan yang tidak patut dilakukan terhadap haiwan. Contohnya :
 - a. Gambar kanak-kanak memukul haiwan
 - b. Gambar haiwan yang dibiarkan kelaparan.
5. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang langkah-langkah untuk menjaga haiwan peliharaan.
6. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengelakkan daripada berlakunya kepupusan haiwan terutamanya haiwan liar.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara untuk menjaga haiwan peliharaan.
2. Kanak-kanak dapat menyebut langkah-langkah yang patut dilakukan bagi mengelakkan daripada berlakunya kepupusan haiwan terutamanya haiwan liar.

MODUL UDARA

Pengenalan:


Pencemaran udara berlaku apabila terdapat benda asing dalam kepekatan yang mengganggu atau membahayakan manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang dan harta benda. Benda asing ini adalah di dalam bentuk habuk, asap, kabus, wap dan gas (karbon monoksida, nitrogen). Berdasarkan laporan yang dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar, melalui akhbar Utusan Pengguna pada tahun 2001, jumlah keluaran bahan-bahan pencemaran udara di Malaysia dianggarkan sebanyak 933,000 tan setahun. Daripada jumlah ini, kenderaan adalah punca utama pencemaran udara (58.1%), diikuti oleh stesen janakuasa (23.9%), pembakaran bahan api industri (9.4%), pemprosesan industri (3.9%) dan pembakaran secara terbuka (4.9%).

Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menyenaraikan tentang kepentingan angin kepada hidupan.
2. Kanak-kanak dapat menceritakan mengenai "belon panas".
3. Kanak-kanak dapat merasai darjah kekuatan tiupan angin.
4. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara yang boleh dilakukan bagi memelihara udara kita supaya tidak tercemar.

Aktiviti 1 : Kegunaan Angin

17. Guru menunjukkan gambar dan menyoal kanak-kanak seperti “Apakah yang kamu lihat dalam gambar ini?”
18. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam setiap gambar.



19. Guru boleh bersoaljawab dengan kanak-kanak kenapa angin perlu dalam kehidupan kita. Contohnya:
- Bagaimana layang-layang terbang?
 - Bagaimana kapal layar bergerak?
 - Bagaimana pakaian kita kering?
 - Apakah kegunaan kincir angin?

Rumusan :

- Kanak-kanak dapat menyenaraikan tentang kepentingan angin kepada hidupan.


Aktiviti 2: Mari Mewarna

12. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang gambar yang dilihat.

13. Guru berbincang dengan kanak-kanak kegunaan kincir angin.

14. Guru menggalakkan kanak-kanak bercerita dengan bebas mengenai gambar yang dilihat.

15. Kanak-kanak diminta untuk mewarnakan gambar tersebut dengan cara yang betul.




Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut kegunaan kincir angin.

Aktiviti 3: Mari Menyanyi

11. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam gambar.

12. Berdasarkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam lirik lagu, guru boleh memperkenalkan huruf vokal dan huruf konsonan.



13. Guru bersoal-jawab dengan kanak-kanak tentang “angin”.

- a). Adakah kita dapat merasa hembusan angin?
- b). Adakah angin mempunyai kekuatan?
- c). Adakah angin boleh merosakan harta benda kita?


14. Guru menyanyi bersama-sama kanak-kanak sambil membuat gerakan badan.

Rumusan :

- 3. Kanak-kanak dapat menyebut huruf vokal dan konsonan dengan betul.
- 4. kanak-kanak dapat menceritakan kesan kekuatan angin kepada manusia dan harta benda.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

12. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak berkenaan gambar dalam aktiviti. Contoh:
- Apakah warna awan?
 - Apakah kandungan awan?
 - Apakah kandungan belon?
 - Di manakah kita boleh bermain wau?



13. Guru mengajak kanak-kanak bermain mengeja dan membaca gabungan suku kata yang mudah:

Contoh:

a + wan

be + lon

wau

14. Guru meminta kanak-kanak membulatkan huruf vokal (a, e, i, o, u) yang terdapat dalam perkataan di atas.
15. Kanak-kanak menamakan dan membunyikan huruf vokal dalam perkataan tersebut.
16. Kanak-kanak melengkapkan perkataan yang diberikan dalam aktiviti.

Rumusan :

- Kanak-kanak dapat mengeja perkataan yang diberikan dengan betul.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

6. Guru menyediakan bahan-bahan untuk menghasilkan “penunjuk arah angin”.
7. Guru menunjukkan bahan-bahan tersebut kepada kanak-kanak .
8. Guru menunjukkara setiap satu langkah kepada kanak-kanak.
9. Kanak-kanak dibimbing untuk menyediakan “penunjuk arah angin”.
10. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang bahan yang dihasilkan.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menghasilkan penunjuk arah angin.
2. Kanak-kanak dapat menyebut penunjuk arah angin.

Aktiviti 6: Mari Mengira

15. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan angka 1-10.

16. Berdasarkan gambar, guru boleh menerangkan konsep urutan kepada kanak-kanak.

17. Guru boleh memperkenalkan kepada kanak-kanak konsep **sedikit** dan **banyak**

18. Berdasarkan gambar, kanak-kanak menyambungkan titik-titik angka.

19. Guru boleh mempelbagaikan aktiviti lain bagi membuat pengukuhan tentang konsep **sedikit** dan **banyak**.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengetahui konsep banyak dan sedikit.
2. Kanak-kanak dapat menulis angka yang diberikan dengan cara yang betul.

Aktiviti 7: Siapa Saya?

5. Guru meminta kanak-kanak meneka apa yang dilihat dalam gambar.
6. Guru meminta kanak-kanak menyambungkan titik-titik dalam gambar tersebut
7. Kanak-kanak diminta menyebut gambar yang dihasilkan.
8. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang “belon panas”.

Contoh:

- i. Bagaimanakah belon ini terapung di udara?
 - ii. Di manakah kita dapat melihat belon ini?
 - iii. Adakah belon ini besar?
 - iv. Apakah warna belon ini?
9. Guru boleh menunjukkan slaid atau gambar berkaitan dengan belon panas.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menceritakan mengenai “belon panas”.
2. Kanak-kanak dapat menyambungkan titik-titik dengan betul.

Aktiviti 8: Padankan Gambar

1. Guru meminta kanak-kanak menceritakan apa yang dilihat dalam gambar.
2. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak mengenai tentang kelajuan angin.
3. Guru boleh berlakon dengan kanak-kanak dengan menggunakan kipas angin bagi melihat darjah kekuatan angin.
4. Berdasarkan gambar yang diberikan, minta kanak-kanak memadankan gambar bendera dengan kekuatan angin.



Rumusan :


1. Kanak-kanak dapat merasai darjah kekuatan tiupan angin.

Aktiviti 9: English Section

11. Teacher gives instruction and children carry them out.

12. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.

13. Help children to improve their writing skills.



14. Children are encouraged to ask questions about the words.

Summary :

1. Children can improve their writing skills.
2. Children know that the yacht can used for pleasure trips.
3. Children can list the important of air and wind.
4. Children know that Malaysian National Flag is called Jalur Gemilang.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

8. Guru menunjukkan gambar yang terdapat dalam buku aktiviti.
9. Guru bercerita mengenai situasi dalam gambar tersebut.
10. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang perlu dilakukan untuk memelihara udara kita supaya tidak tercemar.
11. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengelak daripada berlakunya pencemaran udara.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut cara-cara yang boleh dilakukan bagi memelihara udara kita supaya tidak tercemar.

MODUL KITAR SEMULA

Pengenalan:

Setiap hari kita menghasilkan lebih daripada 16,000 tan sampah. Kos untuk melupuskan sampah ini pula mencecah berjuta-juta ringgit. Setiap tahun jumlah sampah yang dibuang oleh orang ramai akan terus meningkat dan kawasan pelupusan sampah pula semakin penuh. Kita boleh membantu mengurangkan jumlah sampah yang dibuang dengan melakukan kitar semula. Kitar semula akan mengurangkan jumlah barangan buangan dan ini akan mengurangkan keperluan serta jangka hayat tapak pelupusan sampah. Pencemaran juga dapat dikurangkan dan menyelamatkan penggunaan tenaga yang berlebihan. Kitar semula juga lebih murah dan mudah dilaksanakan berbanding dengan penyelenggaraan tapak atau sistem pelupusan sampah yang lain. Paling penting kitar semula meningkatkan kebersihan dan kualiti hidup kita.

Hasil Pembelajaran:

1. Kanak-kanak dapat menamakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula.
2. Kanak-kanak dapat menyebut benda yang terhasil daripada bahan kitar semula.
3. Kanak-kanak dapat memahami maksud *recycle* dan menyebut perkataan *recycle* dengan betul.
4. Kanak-kanak dapat menyebut langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjaga kebersihan alam sekitar.

Aktiviti 1 : Kitar Semula

20. Guru menunjukkan gambar seperti yang terdapat dalam buku aktiviti.

21. Guru meminta kanak-kanak menamakan barangan/haiwan yang terdapat dalam setiap gambar.

22. Guru bersoaljawab dengan kanak-

kanak tentang apakah yang boleh dilakukan terhadap barang-barang yang boleh dikitar semula yang terdapat dalam gambar di atas.

Contoh: Kertas - beg, bakul; tayar - tukun, botol - pasu bunga.

23. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang barang-barang lain yang boleh dikitar atau digunakan semula.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menamakan bahan-bahan yang boleh dikitar semula.
2. Kanak-kanak dapat menyebut benda yang terhasil daripada bahan kitar semula.

Aktiviti 2: Mari Mewarna

16. Guru bertanyakan soalan seperti,
 “Apakah yang terdapat dalam gambar ini?”

17. Guru dan kanak-kanak berbincang tentang kegunaan tong sampah kitar semula.



18. Kanak-kanak mewarnakan gambar yang terdapat dalam buku aktiviti mengikut warna yang telah ditetapkan

19. Guru menyoal kanak-kanak tentang gambar yang terhasil. Contohnya:

- a. Apakah barang yang kita masukkan dalam tong sampah yang berwarna merah?
- b. Apakah barang yang kita masukkan dalam tong sampah yang berwarna biru?
- c. Apakah barang yang kita masukkan dalam tong sampah yang berwarna coklat?

20. Guru boleh mengajak kanak-kanak berkongsi pengalaman mereka menggunakan tong tersebut.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut warna-warna tong sampah kitar semula.
2. Kanak-kanak dapat menyebut bahan-bahan yang dimasukkan dalam tong sampah kitar semula mengikut warna.

Aktiviti 3: Mari Menyanyi

15. Guru meminta kanak-kanak bercerita tentang apa yang dilihat dalam gambar.

16. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang maksud *recycle*.

17. Berdasarkan lirik lagu, guru meminta kanak-kanak menyebut bahan yang boleh dikitar semula (glass, paper, plastic dan tin)

18. Guru menyanyi lagu bersama dengan kanak-kanak sambil membuat pergerakan yang sesuai



Summary :

1. Kanak-kanak dapat memahami maksud *recycle* dan menyebut perkataan *recycle* dengan betul.
2. Kanak-kanak dapat menyebut bahan-bahan yang boleh dikitar semula dalam bahasa Inggeris dengan betul.

Aktiviti 4: Mari Mengeja

17. Guru meminta kanak-kanak meneka gambar yang ditunjukkan dalam buku aktiviti.
18. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang benda yang boleh dihasilkan melalui tayar terbuang (pasu bunga, tukun tiruan, perhiasan).



19. Guru meminta kanak-kanak membulatkan huruf konsonan yang terdapat dalam perkataan di atas.
20. Kanak-kanak menamakan dan membunyikan huruf konsonon dalam perkataan tersebut.
21. Kanak-kanak melengkapkan huruf bagi perkataan yang ditunjukkan.
22. Guru berbincang dengan kanak-kanak kepentingan kitar semula sebagai salah satu langkah untuk menjaga kebersihan alam sekitar.


Rumusan :

3. Kanak-kanak dapat menyebut huruf konsosnan dengan betul.
4. Kanak-kanak dapat menyebut kegunaan tayar yang dikitar semua.
5. Kanak-kanak dapat mengaitkan aktiviti kitar semula dengan pemeliharaan alam sekitar.

Aktiviti 5: Sudut Kreatif

16. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak bekas atau kotak pensil yang diperbuat daripada bahan terbuang.

17. Guru menunjukkan kepada kanak-kanak bahan-bahan yang diperlukan dan cara-cara untuk membuat bekas atau kotak pensil daripada bahan terbuang.



18. Guru menggalakkan kanak-kanak membuat pelbagai corak di atas cawan kertas mengikut kreativiti masing-masing.

19. Guru menunjukkan contoh bekas pensil yang telah siap.

Rumusan :

3. Kanak-kanak dapat menyebut kegunaan cawan kitar semula.
4. Kanak-kanak dapat membuat pelbagai corak mengikut kreativiti masing-masing.

Aktiviti 6: Mari Mengira

20. Guru meminta kanak-kanak mengira bilangan angka 1-10.
21. Guru boleh meminta kanak-kanak membuat kumpulan (satu kumpulan terdiri dari 2 atau tiga orang).
22. Berdasarkan gambar, guru boleh menerangkan konsep urutan kepada kanak-kanak.
23. Berdasarkan gambar, kanak-kanak mengira bilangan botol yang dalam menulis bilangan tersebut dalam kotak yang disediakan.
24. Guru meminta kanak-kanak menyatakan warna tong sampah kitar semula bagi botol kaca.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat mengira dan menulis bilangan botol dengan betul.
2. Kanak-kanak dapat menyatakan warna tong sampah kitar semula untuk botol kaca.

Aktiviti 7: Cari Perbezaan

11. Guru meminta kanak-kanak menyebut barang yang terdapat dalam kotak A dan kotak B.

12. Guru meminta kanak-kanak membilang jumlah barangan yang terdapat dalam gambar A dan gambar B.

13. Guru meminta kanak-kanak menyebut perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua gambar A dan gambar B.

14. Kanak-kanak diminta mewarnakan gambar tersebut mengikut kreativiti masing.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut perbezaan yang terdapat yang terdapat dalam gambar.
2. Kanak-kanak dapat menyenaraikan pelbagai jenis barang yang boleh dikitar semula.

Aktiviti 8: Padankan Gambar

10. Guru meminta kanak-kanak menceritakan apa yang dilihat dalam gambar.

11. Guru meminta kanak-kanak menyebut jenis tong sampah kitar semula yang telah dipelajari.



12. Guru meminta kanak-kanak menyebut semula jenis barang yang boleh dimasukkan dalam tong sampah kitar semula seperti yang telah dinyatakan di atas.

13. Berdasarkan gambar, guru meminta kanak-kanak memadankan bahan kitar semula dengan tong sampah kitar semula yang bersesuaian.

Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut semula jenis barang yang boleh dimasukkan dalam tong sampah kitar semula.
2. kanak-kanak dapat memadankan bahan kitar semula dengan tong sampah kitar semula yang bersesuaian.

Aktiviti 9: English Section

15. Teacher gives instruction and children carry them out.

16. Listen to the words, said aloud by the teacher and point to the word.

17. Help children to say aloud the words.



18. Children are encouraged to ask questions about the words.

Summary :

1. Children can improve their writing skills.
2. Children can name the recycle things.

Aktiviti 10: Tanggungjawab Saya

12. Guru meminta kanak-kanak meneka aktiviti yang terdapat dalam gambar.

13. Guru dan kanak-kanak bercerita mengenai situasi dalam setiap gambar tersebut.

14. Guru bersoaljawab dengan kanak-kanak tentang apa yang patut dilakukan bagi menjaga alam sekitar.

15. Guru berbincang dengan kanak-kanak tentang cara-cara lain yang boleh dilakukan untuk menjaga kebersihan alam sekitar.



Rumusan :

1. Kanak-kanak dapat menyebut langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjaga kebersihan alam sekitar.

